

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Pesakit Covid-19 pakai peranti pengesan

PUTRAJAYA: Pesakit Covid-19 akan dipakaikan alat peranti pengesan dengan teknologi terkini untuk mengawal pergerakan mereka dalam tempoh rawatan atau kuarantin.

Perkara itu bakal dikuatkuasakan bermula 11 Mac ini selepas satu peruntukan baharu diwujudkan iaitu Seksyen 15A dimasukkan ke dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan dalam sidang akhbar bersama berkata, perintah pemakaian peranti itu turut dikenakan kepada mereka yang disyaki (PUI) dijangkiti penyakit berjangkit atau kontak kepada kes (PUS) untuk menjalani pengasingan bagi pengawasan dan pemerhatian.

Walau bagaimanapun katanya, pemakaian gelang pengawasan yang digunakan ketika ini masih dikuatkuasakan di bawah peraturan 9(3) Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020.

"Di bawah Ordinan ini, penalti akan dikenakan ke atas individu yang dipakaikan peranti pengesanan sekiranya alat tersebut dimusnahkan, dirosakkan,



TAKIYUDDIN Hassan (kanan) menunjukkan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 dalam sidang akhbar bersama Adham Baba di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

dihilangkan atau diubah.

"Alat pengesanan ini akan diutamakan kepada kes kuarantin di rumah atau di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) kerana pengawasan lebih mudah berbanding mereka yang sedang dirawat di hospital," katanya semalam.

Menurutnya, pemakaian alat pengesanan ini antara lima peruntukan baharu di bawah Ordinan Darurat selain lima pindaan peruntukan sedia ada dalam Akta 342 dalam usaha kerajaan memerangi Covid-19.

Antara peruntukan baharu lain ialah Seksyen 21A bagi membolehkan Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan supaya mengambil langkah bagi mencegah dan mengawal penyakit berjangkit.

Selain itu katanya, peruntukan baharu melibatkan penguatkuasaan untuk memberi kuasa menangkap, menjalankan penyiasatan dan memberikan maklumat berhubung dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.

"Pada masa ini, tiada punca kuasa hingga menyukarkan tu-

gas penguatkuasaan. Kanun Tatacara Jenayah akan digunakan dalam melaksanakan kuasa untuk menangkap.

"Peruntukan baharu bagi Seksyen 22A pula bertujuan membolehkan kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 342 dipertuduhkan kepada pertubuhan perbadanan serta penalti dikenakan sekiranya berlaku perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran pekerja, atau pekerja ejen dalam masa pengajiannya atau ejennya semasa bertindak bagi pihak orang lain," katanya.